

Pajak Gadai Islam Sebagai Alternatif

Masalah Pajak Gadai

Pajak Gadai merupakan tempat yang menjadi tumpuan bagi golongan berpendapatan rendah untuk mendapatkan wang tunai dengan segera. Dengan mencagarkan barang-barang berharga, seperti emas, mereka boleh mendapatkan wang untuk digunakan bagi sesuatu tujuan.

Namun begitu, berdasarkan kajian dan aduan yang diterima, didapati kedai pajak gadai sering mengambil kesempatan daripada pelanggan, yang rata-ratanya tidak berpelajaran tinggi dan kurang berpengetahuan tentang hak mereka terhadap pajak gadai ini.

Akta Pajak Gadai

Bagi mengawal dan melindungi kepentingan pengguna, maka Akta Pajak Gadai telah dibentangkan dan dikuatkuasakan pada tahun 1972. Seterusnya ia dipinda pada tahun 1982 dan sekali lagi pada tahun 1983. Akta ini diletakkan di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Kandungan Akta Pajak Gadai

- Perlantikan pegawai pelesenan dan inspektor pajak gadai di setiap negeri. Biasanya Setiausaha Kerajaan Negeri dilantik sebagai pegawai pelesenan dan pegawai kanan negeri sebagai inspektor pajak gadai. Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, ia dilakukan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.
- Premis yang berlesen sahaja yang boleh menjalankan perniagaan. Ia perlu disahkan oleh pegawai polis berpangkat Penolong

Penguasa Polis atau lebih tinggi.

- Pinjaman tidak boleh melebihi RM5,000.
- Kadar faedah yang dikenakan adalah:
 - Tidak melebihi RM10.00, kadar faedah ialah maksimum 3 peratus sebulan
 - Melebihi RM10.00 dan tidak melebihi RM50.00, dikenakan 2 peratus sebulan
 - Melebihi RM50.00, dikenakan sebanyak 1.5 peratus sebulan.
- Tempoh menebus semula gadaian ialah enam bulan. Namun ia boleh dipanjangkan mengikut persetujuan bersama.
- Jika penggadai gagal menebus semula, sekiranya pinjaman berjumlah kurang daripada RM100.00, barang gadaian menjadi milik pemegang pajak gadai. Bagi pinjaman melebihi RM100.00, barang gadaian perlu dilelong. Sekiranya jumlah lelongan melebihi pinjaman, penggadai boleh mengambil bakinya.
- Sekiranya barang gadaian hilang atau musnah dalam kebakaran, penggadai berhak mendapat



Mantan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin, mengatakan bahawa masih ramai pengguna di Malaysia yang tidak mengetahui tentang hak-hak dan tanggungjawab sebagai pengguna.

Hakikat ini memang tidak dapat dinafikan kerana tahap kepenggunaan di negara ini masih di peringkat sederhana. Umpamanya jika kita tinjau pola pembelian di kalangan pengguna, didapati para pengguna masih memilih untuk membeli barang yang berharga rendah, tanpa memikirkan sama ada barang tersebut berkualiti atau tidak. Pengguna tidak melihat terlebih dahulu kewujudan label standard keselamatan dan kualiti pada barang yang ingin dibeli. Biasanya selepas membeli, apabila barang tersebut rosak, tidak boleh digunakan lagi, maka mereka akan membeli pula barang yang baru. Masih barang yang sama, yang berharga rendah dan tidak berkualiti.

Jika kita lihat pengguna di negara maju, mereka tidak lagi membeli berdasarkan harga, tetapi mengikut kualiti barang. Sudah tentulah penilaian ketika membeli adalah harga yang dikenakan berpatutan dengan kualiti yang sewajarnya. Jika barang tersebut dapat digunakan dalam tempoh yang lama, tetapi harganya agak tinggi sedikit, berbanding barang yang berharga rendah, tetapi tidak tahan lama, maka pilihan diberikan kepada barang yang pertama itu.

Sewajarnya, pengguna di Malaysia sudah mampu menilai tentang sesuatu barang. Barang yang berkualiti rendah akan terus wujud di pasaran jika permintaannya masih tinggi. Sebaliknya jika pengguna enggan untuk membeli, maka secara beransur-ansur ia akan hilang daripada pasaran.

Apakah yang menentukan sesuatu barang itu berkualiti atau tidak? Satu daripada cara untuk mengetahuinya ialah dengan melihat label standard kualiti. Di Malaysia, Sirim bertindak sebagai badan yang bertanggungjawab untuk memberikan sijil pengesahan Standard Malaysia. Sehingga bulan Oktober 2003, terdapat sebanyak 3,183 standard diwujudkan. Matlamat yang ingin dicapai ialah 6,000 pada tahun 2010, bagi memenuhi keperluan Malaysia sebagai negara maju pada tahun 2020. Namun begitu, daripada jumlah tersebut, hanya terdapat 89 standard berkaitan dengan kualiti.

Mengapakah jumlah standard kualiti itu agak rendah berbanding dengan standard yang lain? Ini kerana permintaan untuk mewujudkan standard kualiti agak kurang diterima oleh Jabatan Standard Malaysia, sebagai agensi kerajaan yang mengawal selia standard di negara ini. Pada masa ini, kebanyakan standard yang diwujudkan adalah berdasarkan permintaan daripada pengeluar yang bertujuan untuk membolehkan barang mereka memasuki pasaran negara luar, terutama di negara Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat yang keperluan standardnya agak tinggi.

Sudah sampainya pengguna sendiri bertindak untuk meminta agar diwujudkan standard kualiti bagi sesuatu barang. Kita perlu mengubah proses kewujudan standard pada masa ini yang berdasarkan 'permintaan oleh pengeluar' kepada 'permintaan oleh pengguna'. Hanya pengguna sahaja yang tahu kualiti yang diperlukan bagi sesuatu barang.

SIDANG REDAKSI

Penasihat:

Y. Bhg. Datuk Dr Sulaiman bin Mahbob
Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan
Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Ketua Sidang Pengarang
Haji Wan Mansoor bin Wan Omar

Timbalan Ketua Sidang Pengarang
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Normah bte Sheikh Abdullah
Anyi Ngau
Noor Jamal Ali
Hasliana bte Kamarudin
Che Aizawati bte Che Salleh
Siti Rahayu bte Zakaria

Dicetak oleh Syarikat Asas Jaya

Buletin Pengguna merupakan penerbitan usahasama di antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Sumbangan artikel amat dialu-alukan. Sila hantarkan sumbangan kepada:

Editor,
Buletin Pengguna,
No 1D-1, Bangunan SKPPK,
Jalan SS9A/17, 47300 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
Emel: buletinpengguna@hotmail.com
Laman Web KPDN & HEP : www.kpdnhep.gov.my
Laman Web FOMCA : www.fomca.org.my

Artikel yang disiarkan dalam Buletin Pengguna ini tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.

Nombor E - Bahan Tambah Makanan

Bahan tambah makanan merupakan ramuan yang ditambahkan dalam makanan bagi mengelakkan ia cepat rosak, memperbaiki penampilan, rasa, bentuk dan nilai khasiatnya. Bahan tambah makanan merupakan 10% daripada jumlah makanan yang diambil oleh orang dewasa. Terdapat pelbagai jenis bahan tambah makanan yang digunakan dalam makanan seperti perasa, perisa, pewarna, pemekat, pengemulsi dan sebagainya.

Di negara Kesatuan Eropah, bahan tambah makanan ini dikenali melalui Nombor E. Kedudukan jenis bahan tambah makanan telah ditentukan mengikut susunan Nombor E, iaitu seperti berikut:

- E100-199 - pewarna
- E200-299 - pengawet
- E300-399 - bahan antioksida, fosfat dan agen antioksida
- E400-499 - pemekat, pelembap, bahan antikeras, penstabil dan pengemulsi
- E500-599 - garam dan bahan campuran lain
- E600-699 - penyedap rasa
- E900-999 - Bahan pelapis, gas, pemanis, bahan tambahan tepung
- E1000-1399 - pelbagai bahan tambah makanan
- E1400-1499 - bahan kanji tiruan.

Kini penggunaan Nombor E telah menjadi sejagat dan digunakan di seluruh dunia termasuk di Malaysia. *Suruhanjaya Codex Alimentarius*, yang merupakan standard dan garis panduan tentang makanan yang dibangunkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan Pertubuhan Makanan dan Pertanian, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menggunakan sistem pernomboran ini tetapi tanpa huruf E.

Ada di antara bahan tambah makanan digunakan adalah tidak sesuai untuk kesihatan dan tidak boleh dimakan oleh penganut agama tertentu seperti bahan tambahan yang dibuat daripada daging haiwan yang tidak boleh dimakan oleh penganut agama Islam dan Hindu.

Di Malaysia, para pengguna tidak perlu berasa was-was apabila memakan makanan yang mempunyai label halal daripada Jakim atau Jabatan Agama Islam Negeri kerana bahan tambah makanan yang digunakan itu telah dipastikan terdiri daripada



bahan yang halal untuk dimakan oleh orang Islam.

Namun begitu, kemasukan mungkin timbul sekiranya sesuatu produk itu diimport dari luar negara atau tidak mempunyai tanda halal.

Bahan Tambah Makanan yang perlu diberikan perhatian

Di antara bahan tambah makanan yang perlu diberikan perhatian, khususnya oleh umat Islam, adalah seperti berikut:

Lemak babi (Lard) - semua kandungannya perlu dielakkan. Lard diperbuat khususnya daripada lemak dalaman yang terdapat dalam perut babi dan digunakan dalam masakan.

Gelatin - tidak berbau, tidak mempunyai rasa, bahan protein seperti gam dan agar-agar yang diperolehi dengan merebus tulang, kuku dan bahagian buangan haiwan. Ia mudah larut dalam air panas dan digunakan sebagai ramuan asas membuat kuih. Gelatin daripada haiwan yang halal dan disembelih mengikut hukum syarak adalah halal.

Pepsin - Sejenis enzim yang terdapat di dalam bahagian perut yang membantu menghadamkan makanan, daging, keju dan protein yang lain. Jika enzim yang digunakan adalah hasil daripada tindakan mikrobiologi, ia boleh dimakan. Begitu juga dengan enzim yang diperolehi daripada tumbuhan atau kulat.

Ke muka 4»

« Dari muka 3

Enzim - sejenis bahan protein yang dihasilkan daripada sel hidup, yang boleh memberikan kesan tindak balas kimia pada tumbuhan atau haiwan tanpa perlu menukarkannya kepada pemangkin organik. Enzim boleh membantu mengasingkan makanan agar ia boleh dihadam. Pepsin adalah sejenis enzim. Enzim daripada tumbuh-tumbuhan mikrob, binatang yang halal dan disembelih mengikut hukum syarak adalah halal.

Renet - mengandungi renin, yang didapati daripada bahagian perut anak lembu atau haiwan lain. Biasanya digunakan untuk membekukan susu dalam proses membuat keju dan dadih. Renet yang diperolehi daripada haiwan halal dan disembelih mengikut hukum syarak adalah halal.

Wei (Whey) - perlu dielakkan kecuali jika ia dihasilkan daripada sayur-sayuran dan haiwan halal serta disembelih mengikut hukum syarak. Bahagian berair yang terdapat dalam susu diasingkan daripada bahagian yang beku apabila susu menjadi masam dan seterusnya beku atau apabila keju dihasilkan.

Ekstrak vanila - ia merupakan saripati perisa yang dihasilkan daripada kacang vanila dan biasanya

digunakan dalam gula-gula, ais krim dan pewangi. Ia hanya boleh larut dalam alkohol sahaja. Kajian mendapati produk yang mengandungi saripati vanila terdapat lebih 50% alkohol. Walaubagaimanapun Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia telah memfatwakan bahawa bahan perisa yang dimasukkan alkohol untuk tujuan penstabilan adalah harus digunakan untuk tujuan minuman sekiranya alkohol itu bukan dihasilkan daripada proses pembuatan arak. Kuantiti alkohol dalam bahan perisa tersebut adalah sedikit iaitu tidak memabukkan.

Pengguna perlu melihat label pada sesuatu produk bagi menentukan sama ada bahan tambah makanan yang digunakan adalah baik untuk kesihatan dan halal dimakan. Salah satu masalah yang dihadapi oleh pengguna ialah kebanyakan bahan tambah makanan ini menggunakan istilah saintifik yang sukar difahami oleh pengguna. Oleh itu adalah penting sekiranya pengguna memiliki senarai bahan tambah makanan Nombor E agar dapat menyemak kedudukan bahan tambahan tersebut. Senarai penuh bahan tambah makanan halal dan haram boleh didapati daripada laman web: www.muslimconsumergroup.com/numbers.htm.

INFO PENGGUNA

Subsidi Diesel Bagi Sektor Pengangkutan Darat dan Perikanan

Semasai pembentangan bajet 2002, kerajaan telah membuat keputusan untuk memberikan subsidi kepada sektor pengangkutan darat dan sektor perikanan.

Untuk melaksanakan keputusan tersebut, satu jawatankuasa telah ditubuhkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang berperanan untuk menimbang dan meluluskan permohonan subsidi ke atas diesel kepada kedua-dua sektor berkenaan.

Jawatankuasa ini telah dianggotai oleh pelbagai kementerian dan agensi kerajaan.

Sepanjang tahun 2002 hingga 2003, Jawatankuasa Kelulusan Subsidi Diesel telah meluluskan subsidi ke atas diesel kepada Sektor Pengangkutan Darat dan Sektor Perikanan yang berjumlah melebihi 1.6 bilion liter bersamaan dengan nilai RM298,617,060.00. Pembahagian subsidi yang disebutkan mengikut kedua-dua sektor tersebut adalah seperti berikut:

	Sektor Pengangkutan Darat		Sektor Perikanan		Jumlah untuk Kedua-dua sektor	
	Liter ('000)	RM ('000)	Liter ('000)	RM ('000)	Liter ('000)	RM ('000)
SEMPERATUR	508,244	91,119	906,114	164,932	1,414,358	256,051
SABAH	6,539	866	111,283	22,322	117,822	23,188
SARAWAK	18,181	4,331	81,144	15,047	99,325	19,378
JUMLAH	532,964	96,316	1,098,541	202,301	1,631,505	298,617

Ketahui Label Kandungan Makanan

Seperti juga mana-mana kontrak, maklumat yang dinyatakan dalam terma dan syarat adalah sesuatu yang perlu diberikan perhatian. Begitu juga dengan maklumat yang terdapat pada label sesuatu produk. Ia juga merupakan maklumat penting yang pengguna perlu mengambil tahu.

Se semua maklumat termasuk cetakan kecil perlu diambil kira. Malahan cetakan kecil itu kadang kala memberikan maklumat yang lebih daripada apa yang tertera pada label depan (berserta gambar yang menarik). Ramai pembeli sama ada tidak menyedari, tidak mempunyai masa atau tidak melihat dengan teliti untuk mendapatkan kebenaran. Malah mungkin mereka tidak mempedulikannya langsung.

Namun label ini boleh memberitahu banyak perkara mengenai apa yang dimakan. Ia boleh membantu dalam membandingkan mutu dan nilai pemakanan sesuatu produk. Malah ia juga membantu bagi mengelakkan daripada produk yang menimbulkan kesan alahan atau yang cuba dielakkan atas alasan kesihatan atau diet.

Bagi pengguna biasa yang memeriksa senarai ramuan, mereka sering keliru kerana seseorang itu perlu menjadi ahli kimia atau pakar makanan untuk mentafsirkan makna nama bahan kimia atau nombor kod terutamanya yang didapati pada produk import.

Bagaimanapun, ada baiknya dipelajari beberapa istilah yang digunakan. Selepas

mengetahui tentang kepentingan label, pengguna mungkin akan mendapatkan sesuatu barang berdasarkan kepercayaan, dan bukannya seperti sebelum ini. Berikut dikemukakan beberapa fakta mengenai pembungkusan makanan.

Keperluan label

Nama produk adalah panduan pertama untuk mengetahui apakah kandungan makanan. Ia perlu dibaca dengan teliti kerana bukan semua benda sama seperti yang dilihat. Sebagai contoh, jika yang diinginkan itu adalah "jeli raspberi" atau jeli "berperisa raspberi" mengandungi raspberi sebenar tetapi ia mungkin hanya mengandungi perisa tiruan.

Nama mestilah juga menunjukkan sama ada makanan itu telah menjalani sebarang pemerosesan, contohnya susu UHT. (Tetapi bukan semua makanan yang mengandungi ramuan yang diubah suai secara genetik perlu diberitahu dalam senarai nama atau ramuan.)

Sesetengah makanan mempunyai nama biasa seperti "krim kraker". Ia tidak mengandungi krim tetapi namanya dianggap cukup dikenali dan tidak mengelirukan. Makanan lain dengan nama yang dijelaskan mempunyai peraturan yang ketat berhubung penggunaannya. Sebagai contoh untuk dipanggil majerin, sapuan mestilah mengandungi 80% lemak.

Senarai ramuan

Ramuan untuk produk yang diimport biasanya disenaraikan mengikut susunan berat. Sesetengahnya pula disenaraikan dalam bentuk peratusan. Perlu diingat bahawa beberapa ramuan mempunyai banyak nama. Fruktosa, sukrosa, dektrosa, glukosa sirap jagung, madu dan sirap pekat hitam yang ditapis dari gula mungkin disenaraikan secara berasingan tetapi kesemuanya adalah gula tambahan.

Senarai ramuan jarang memberikan jumlah sesuatu bahan dalam produk secara khusus melainkan diberi penekanan khas, misalnya: "dibuat dengan ayam tambahan" atau "dibuat dengan kuning

Ke muka 6 ►



"telur segar". Jika dakwaan seperti ini dibuat, peratusan minimum ramuan itu biasanya diberikan.

Jika bahan penambah makanan digunakan seperti pewarna, perisa, pengawet, pemantap atau pemanis, ia mestilah disenaraikan. Beberapa produk import mempunyai kod atau Nombor E, yang bermakna ia telah diterima oleh Kesatuan Eropah.

Maklumat pemakanan

Banyak label makanan memberikan maklumat sedemikian tetapi biasanya hanya jika dakwaan dari sudut pemakanan atau manfaatnya dibuat. Terdapat dua senarai yang seragam:

- Label asas dengan karbohidrat, tenaga, lemak dan protein.
- Label penuh yang juga memberikan serat, lemak tepu, natrium dan gula.

Tidak kira apa jenis ramuan yang digunakan, kandungan pemakanan mestilah diberikan bagi setiap 100 gram atau mililiter untuk memudahkan pengguna membuat perbandingan di antara produk. Selain itu, sukan juga boleh diberikan bagi

setiap hidangan.

Karbohidrat sebahagian besarnya adalah kanji dan gula. Garis panduan pemakanan yang sihat menyarankan kita memakan lebih banyak kanji berbanding gula. Bagaimanapun jika produk hanya mempunyai label asas, kita tidak akan mengetahui apakah jenis karbohidrat yang dimakan. Begitu juga kita dinasihatkan supaya mengurangkan pengambilan lemak terutama lemak tepu, yang boleh meningkatkan paras kolesterol dan risiko penyakit jantung.

Hanya label yang lengkap mampu menjelaskan jumlah lemak tepu dalam makanan.

Dakwaan nilai pemakanan

Dakwaan mengenai nilai pemakanan pada pembungkus mungkin menarik perhatian pengguna tetapi pengguna perlu mengambil sikap berhati-hati. Tidak terdapat sebarang definisi undang-undang untuk kebanyakan daripadanya. Sebagai contoh "rendah lemak" atau "kaya dengan serat". Sesetengah dakwaan seperti "kalori rendah" memang dikawal tetapi amat penting dan berbaloi sekiranya membaca semua label untuk mengetahui lebih banyak maklumat mengenai makanan.

INFO PENGGUNA

Pengiklanan Produk Bagi mengurangkan Berat Badan

Iklan mengenai produk untuk mengurangkan berat badan amat berleluasa kini disiarkan melalui media massa sama ada media cetak maupun media elektronik. Pelbagai dakwaan dibuat bagi menarik perhatian pengguna agar membeli produk tersebut.

Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia merupakan agensi kerajaan yang bertanggungjawab terhadap penyiaran iklan-iklan yang mempunyai tuntutan perubatan dan kesihatan di media massa. Ini bagi memastikan bahawa iklan-iklan yang disiarkan itu tepat dan tidak mengelirukan orang ramai.

Kajian yang dilakukan terhadap produk-produk ini mendapati bahawa penggunaannya sebenarnya tidak mempunyai sebarang asas saintifik. Sebaliknya ia mungkin boleh membawa

kemudaran kepada pengguna. Dalam satu laporan khas yang dikeluarkan pada bulan Disember 2003, 'Federal Trade Commission' di Amerika Syarikat telah menyatakan bahawa tidak terdapat bukti yang wujud pada masa ini bagi menyokong dakwaan bahawa berat badan boleh dikurangkan dengan menggunakan produk-produk seperti 'non prescription drug, dietary supplements, creams, wraps, devices and patches'. Biarpun begitu kebanyakan produk-produk ini diiklankan melalui media massa di negara ini. Menurut Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956, adalah menjadi satu kesalahan bagi penyiaran iklan yang mempunyai tuntutan perubatan dan kesihatan seperti 'mengurangkan berat badan'

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Perlindungan Secara Takaful

Takaful adalah pelan perlindungan berdasarkan prinsip syariah. Peserta mencarum sejumlah wang ke dalam dana takaful dalam bentuk caruman penyertaan. Peserta memeterai kontrak bagi membolehkan dia menjadi salah seorang peserta dengan bersetuju untuk saling membantu antara satu sama lain, sekiranya salah seorang peserta mengalami kerugian yang ditetapkan.

Perkongsian

- Perkongsian lebihan dana antara pencarum dengan pengendali takaful berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui.
- Lebihan yang diperolehi setelah ditolak belanja seperti tuntutan, takaful semula, rizab teknikal dan belanja pengurusan.
- Pencarum layak berkongsi lebihan jika tidak membuat sebarang tuntutan.

Produk dan perkhidmatan takaful

1. Takaful keluarga

- Kombinasi perlindungan dan tabungan jangka panjang, biasanya untuk tempoh lebih daripada setahun.
- Memberi manfaat kewangan sekiranya ditimpa musibah, serta memberi keuntungan



pelaburan.

- Jenis perlindungan yang disediakan ialah:
 - Kematian dalam tempoh polisi
 - Penyakit atau hilang upaya kekal
 - Pendapatan tetap ketika persaraan

2. Takaful am

- Perlindungan jangka pendek, biasanya untuk tempoh setahun.
- Menyediakan perlindungan terhadap sebarang kerugian atau kerosakan ke atas harta benda atau barang-barang kepunyaan anda.
- Jenis perlindungan yang disediakan ialah:
 - Kerugian atau kerosakan harta benda
 - Liabiliti berpuncu daripada kerosakan yang disebabkan oleh anda ke atas pihak ketiga
 - Kematian atau kecederaan akibat kemalangan ke atas pihak ketiga.

Prinsip asas takaful


- Peserta mesti mempunyai kepentingan kewangan yang sah dalam subjek berkenaan untuk menyertai pelan takaful.
- Kontrak takaful adalah berdasarkan prinsip penuh percaya mutlak di mana peserta perlu mendedahkan semua maklumat penting yang diperlukan.
- Peserta hanya boleh memperolehi semula kerugian kewangan dan bukan untuk mendapat keuntungan berikutan sesuatu kerugian yang boleh ditentukan nilainya.
- Dalam menentukan pampasan, pengendali takaful akan mengenal pasti sebab paling penting yang sebenarnya menyebabkan kerugian tersebut.
- Setelah pampasan dibayar bagi kerugian, pengendali takaful berhak menuntut daripada pihak ketiga yang bertanggungjawab terhadap kerugian tersebut.
- Sekiranya kerugian ditanggung oleh lebih

Ke muka 9»

- gantirugi sebanyak lebih $\frac{1}{4}$ daripada jumlah pinjaman.
- Jika terdapat sebarang masalah berhubung pajak gadai, aduan perlu dibuat dalam tempoh 12 bulan.

Bentuk penyelewengan pajak gadai

- Walaupun kadar faedah maksimum yang boleh dikenakan adalah 2 peratus sebulan, namun ada yang mengenakan sehingga 9, 10 dan 13 peratus setahun.
- Penggadai mendapati barang gadaian telah rosak atau susut nilainya. Ia tidak dapat dibuktikan kerana Akta Pajak Gadai tidak mewajibkan pemegang pajak gadai mencatatkan ukuran berat, panjang dan jenis barang gadaian dalam tiket gadaian.
- Nilai barang gadaian oleh pemegang pajak gadai lebih rendah daripada nilai sebenar barang gadaian tersebut. Purata nilai hanya 30.5 peratus sahaja.
- Kebanyakan penggadai tidak menerima notis apabila tamat tempoh gadaian selama 6 bulan. Adakalanya notis dihantar ke alamat lama penggadai. Malahan terdapat juga kes, barang gadaian dilelong tanpa dimaklumkan kepada penggadai.
- Tiket gadaian tidak mencatatkan butiran lengkap barang gadaian. Ini menyebabkan ia mudah diselewengkan.
- Penggadai tidak diberikan resit selepas menebus barang gadaian.
- Sekiranya barang gadaian hilang, penggadai hanya ditawarkan ganti rugi sebanyak 25% sahaja.
- Notis lelongan barang gadaian yang gagal ditebus tidak disiarkan di akhbar-akhbar utama.



Sekiranya diiklankan, ia terlalu kecil dan hanya diketahui oleh golongan tertentu sahaja. Ini menyulitkan penggadai untuk membayar jumlah hutang dan menebus barang gadaian.

- Penggadai dikenakan bayaran apabila meminta salinan tiket gadaian sekiranya ia hilang atau musnah.
- Baki lebihan wang daripada lelongan tidak dikembalikan kepada penggadai.

Pajak Gadai secara Islam

Kini pengguna diberikan pilihan untuk tidak menggunakan kedai pajak gadai konvensional ini. Pengenalan pajak gadai Islam atau Ar-Rahnu memberikan jalan keluar kepada para pengguna khususnya umat Islam untuk mengelakkan diri mereka daripada terjebak kepada perniagaan yang berunsurkan riba.

Skim Ar-Rahnu

Skim pajak gadai ini dibuat hasil kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) dan beberapa bank tempatan seperti Bank Rakyat, Bank Islam, Bank Pertanian, EON Bank dan sebagainya.

Ciri-ciri Skim Ar-Rahnu (berdasarkan skim Ar-Rahnu Bank Rakyat)

- Terbuka kepada semua warganegara Malaysia berumur tidak kurang 18 tahun dan tidak melebihi 65 tahun.
- Barang gadaian terdiri daripada barang emas tertentu yang boleh dijual beli.
- Jumlah maksimum pinjaman setiap gadaian adalah 60% daripada nilai barang gadaian atau maksimum RM5,000 atau jumlah minimum RM100.00.
- Penggadai boleh membuat gadaian lebih daripada sekali pada satu-satu masa sehari. Jumlah terkumpul tidak melebihi RM25,000 tidak termasuk upah simpanan.
- Upah simpanan dikenakan berdasarkan nilai barang gadaian dan tempoh bulan gadaian ditebus.
- Tempoh maksimum tebus gadaian ialah 6 bulan. Sekiranya gagal, dilanjutkan selama 2 bulan lagi. Penggadai diberikan lanjutan 2 bulan

« Dari muka 8

- lagi selepas itu dengan syarat membuat permohonan melanjutkan tempoh.
- Barang gadaian yang gagal ditebus akan dijual secara tender terbuka kepada umum dan jualan secara tertutup kepada syarikat.
 - Selepas jualan, wang lebih akan diberikan kepada penggadai.
 - Barang gadaian diinsuranskan di bawah perlindungan takaful.

Selain Skim Ar-Rahnu, terdapat beberapa skim pajak gadai Islam yang beroperasi di negara ini, iaitu:

Skim Az-Zahab

- dikendalikan oleh Bank Rakyat
- Jumlah pinjaman tidak melebihi RM50,000
- Tempoh tebusan sehingga 3 tahun.

Muassasah Gadaian Islam Terengganu

- Dikendalikan oleh Majlis Agama Islam

Terengganu mulai tahun 1992.

- Jumlah pinjaman dihadkan 75% daripada nilai barang gadaian, tetapi tidak melebih RM1,500.00.
- Tempoh tebus gadaian ialah tiga bulan dan boleh dilanjutkan selama 3 bulan lagi.
- Pinjaman tidak dikenakan bayaran upah simpanan dan kos perkhidmatan.

Sistem Gadaian Islam Ar-Rahnu

- Dikendalikan oleh Permodalan Kelantan Berhad.
- Beroperasi berdasarkan Akta Pajak Gadai 1972 yang disesuaikan mengikut keperluan Islam.
- Pinjaman tidak dikenakan faedah, tetapi perlu membayar upah simpan barang pada kadar tertentu.
- Barang gadaian terdiri daripada barang kemas jenis emas tulen.
- Jumlah pinjaman adalah 50 % hingga 60% nilai barang gadaian atau maksimum RM5,000.00.
- Tempoh tebusan tidak lebih daripada 6 bulan.

« Dari muka 7

daripada satu pelan takaful atau polisi insurans, pengendali takaful yang telah membuat pembayaran boleh meminta pengendali takaful atau syarikat insurans lain yang terbabit untuk menyumbang mengikut kadar bahagian masing-masing.

Cara membuat tuntutan

- Semak sama ada kerugian atau kerosakan tersebut dilindungi.
- Semak perkara yang dikecualikan atau bahagian kerugian yang perlu ditanggung sendiri.
- Jika tidak pasti tentang prosedur, dapatkan nasihat daripada syarikat takaful, ejen atau broker.
- Beritahu syarikat takaful tentang kemalangan secepat mungkin
- Minta borang tuntutan dan dapatkan nasihat tentang dokumen yang diperlukan untuk menyokong tuntutan.
- Dalam kes tertentu, laporan polis diperlukan. Dalam kemalangan motor, laporan polis mesti

dibuat dalam tempoh 24 jam.

- Bekerjasama dan berikan semua maklumat yang diperlukan. Maklumat yang tidak betul dan tidak lengkap akan mengakibatkan kelewatan dalam pemprosesan tuntutan.
- Simpan salinan semua dokumen dan rekod seperti bil, laporan dan surat-menyerat.
- Syarikat takaful perlu mengesahkan penerimaan tuntutan dalam tempoh tujuh hari.
- Sentiasa berhubung dengan syarikat takaful hingga tuntutan selesai.
- Jika tawaran tidak memadai, bersediahlah untuk berunding.
- Jika tidak berpuas hati dengan penyelesaian syarikat takaful, kemukakan aduan kepada Biro Pengantaraan Insurans atau Bank Negara Malaysia.

Syarikat takaful yang wujud di Malaysia ialah:

- Syarikat Takaful Malaysia Berhad
- Mayban Takaful Berhad
- Takaful Nasional Berhad
- Takaful Ikhlas Berhad

Sumber: Info Insurans -
www.infoinsurance.com.my

TANGGUH HARGA SILING VCD

Harga siling baru bagi cakera padat (CD) dan cakera padat video (VCD) yang sepatutnya diumumkan pada 1 April ditangguhkan untuk tempoh tiga bulan lagi. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd Shafie Apdal, berkata beliau perlu mendapatkan penerangan dan gambaran sebenar mengenai perkara itu sebelum mengumumkan harga baru CD dan VCD.

Harian Metro, 2 April 2004

HOUSEBUYERS TOLD TO APPOINT OWN LAWYERS

All housebuyers should appoint their own lawyers, Bar Council of Malaysia president Kuthubul Zaman Bukhari said. He said this was to ensure that the rights of the purchasers were protected. "We urged housebuyers not to appoint lawyers who are on the panel of property developers or referred to by real estate agents."

The Star, 2 April 2004

KEMENTERIAN PANTAU IKLAN PERNIAGAAN

Kementerian Penerangan akan memantau penyiaran iklan-iklan perniagaan di media cetak dan elektronik untuk memastikan ia tidak mengandungi unsur-unsur penipuan. Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin berkata, langkah tersebut diambil ekoran terdapat maklumat iklan-iklan perniagaan tertentu sengaja disiarkan di media cetak dan elektronik untuk menipu pengguna.

Utusan Malaysia, 4 April 2004

PENDEKATAN BARU TANGANI CETAK ROMPAK

Kerajaan akan melaksanakan pendekatan baru bagi membanteras kegiatan cetak rompak, termasuk merangka strategi untuk mendisiplinkan dan menyedarkan masyarakat mengenai kesan negatif gejala itu. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Shafie Apdal, berkata pihaknya juga tidak akan teragak-agak mengenakan tindakan lebih tegas kerana kegiatan itu boleh memudaratkan ekonomi negara.

Berita Harian, 6 April 2004

JUALAN BARANG MAKANAN LUPUT TEMPOH DIPANTAU

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan memantau lebih teliti

penjualan barang makanan luput tempoh bagi memastikan ia tidak menjelas kesihatan pengguna. Menterinya, Datuk Shafie Apdal berkata langkah itu penting kerana masih ada rungutan penjualan barang seumpama itu, khususnya di kawasan luar bandar.

Berita Harian, 12 April 2004

BAHAYA RADIASI JIKA GANTUNG TELEFON BIMBIT PADA LEHER

Pengguna telefon bimbit dinasihatkan tidak menggantung telefon pada leher bagi mengurangkan kesan radiasi gelombang radio kerana terlalu hampir dengan organ penting manusia. Ahli Fizik Perubatan Universiti Malaya, Dr Ng Kwan-Hoong, berkata kesan perbuatan itu lebih tinggi terhadap mereka yang menggunakan alat elektronik atau dikenali sebagai "pacemaker" untuk mengawal jantung.

Berita Harian, 17 April 2004

GOVERNMENT RAISES PRICES OF STEEL PRODUCTS

The Government has increased the ceiling price of billets by RM419 per tonne and the retail price of steel bars by RM356 per tonne, following the rise in scrap iron price in the international market. The Government, however, was still studying the proposal by industry players to introduce an automatic price mechanism for steel products. In announcing the increase, which would take effect immediately, Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Shafie Apdal said the price of billets now ranged between RM1,294 and RM1,389 per tonne - an increase of between 43% and 48% - depending on its size.

The Star, 15 April 2004

PROVE, TO COLLECT

Those who have made payments to Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) but have not received any sewerage services can demand refunds. This is the opinion of several lawyers, based on a recent judgement by the High Court sitting in Ipoh, Perak, that went against the national sewerage services company. Simply put, lawyer Ngeh Koo Ham who represented the plaintiff in the matter against IWK said the sewerage company has to prove that it did provide a service to the consumer from whom it is making a demand for payment.

New Straits Times, 17 April 2004

MINISTRY MAY SET UP PIRATED VCD HOTLINES

The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry is considering setting up hotlines for the public to tip off its enforcement division on pirated VCD peddlers in shopping malls and night markets. Minister Datuk Shafie Apdal said illegal VCD peddlers could still be seen operating despite the ministry's aggressive enforcement. He said that hotlines were important conduits that allowed consumers to air their grousers and concerns to the relevant parties.

The Star, 20 April 2004

BANK GALAK BUDAYA HUTANG

Kerajaan gagal menguatkuasakan akta bank dan institusi kewangan hingga menyebabkan banyak institusi kewangan tempatan begitu mudah mengeluarkan kad kredit kepada orang ramai tanpa sekat. Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Prof Dato' Hamdan Adnan, berkata tindakan beberapa bank komersial meluluskan pinjaman tanpa penjamin dan mengeluarkan kad kredit memberi kesan negatif kerana orang ramai mudah mendapat wang.

Berita Harian, 23 April 2004

DON'T CHEAT HOUSEBUYERS'

Developers are advised against duping housebuyers into signing the sale and purchase (S&P) agreement before ensuring that full preparations to complete the housing project are made, Housing and Local Government Minister Datuk Seri Ong Ka Ting said. "We want to advise all housing developers to ensure that they can afford to carry out housing projects before marketing their houses."

The Star, 26 April 2004

SPOT CHECKS AMONG MOVES TO CURB EXPLOITATION OF CONSUMERS

The Cabinet, concerned with reports of rising prices of several food items, has directed the relevant authorities to monitor the situation closely, including making spot checks. Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Shafie Apdal said he had briefed the Cabinet on several complaints received on the matter.

The Star, 27 April 2004

BEWARE OF SALES PEOPLE USING LUCKY-DRAW PLOY

The public has been advised to think twice before parting with their money to participate in lucky draws and scratch-and-win contests run by some

direct-selling companies. "Don't be easily taken in by promises of winning a car or a motorcycle. It is not that easy," said Consumer Claims Tribunal Malaysia chairman, Noor Azian Shaari.

The Star, 30 April 2004

AKTA ELAK UNSUR RIBA DIRANGKA

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan mewujudkan Akta Sewa Beli Islam bagi membolehkan pengguna membuat urusan sewa beli yang bebas daripada unsur riba. Menterinya, Datuk Mohd Shafie Apdal, berkata pada masa ini semua transaksi sewa beli yang dikawal mengikut Akta Sewa Beli 1967, mengenakan kadar faedah yang ditentukan syarikat kewangan.

Berita Harian, 30 April 2004

TANGGUH PROJEK PENSWASTAAN AIR

Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi akan meminta kabinet menangguhkan projek penswastaan air bagi memudahkan pihaknya menyeragamkan dasar dan peraturan yang berkaitan dengan air di negara ini. Menterinya, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik berkata, langkah tersebut perlu bagi memastikan bekalan air kepada pengguna berkualiti dan mencukupi walaupun negara ini dilanda musim kemarau yang berpanjangan.

Utusan Malaysia, 30 April 2004

◀ Dari muka 12

- Hembus dengan kuat untuk membuang kahak dan hingus.

Perhatian:

- Sesetengah ubat batuk yang didapati di farmasi dan klinik mengandungi *pseudoephedrine*, yang boleh menambah tekanan darah. Orang yang ada tekanan darah tinggi tidak digalakkan mengambil ubat jenis ini. Dapatkan penerangan lanjut dari farmasi atau klinik.
- Kebanyakan ubat adalah dalam bentuk sirap dan ia mengandungi gula. Pesakit kencing manis harus mengelakkan pengambilannya sekiranya boleh.
- Sekiranya batuk tidak berkurangan dalam masa seminggu, atau ada tanda-tanda yang lebih serius seperti batuk berdarah, rawatan lanjut diperlukan.
- Batuk yang berlaku pada waktu malam sahaja (semasa baring sahaja) mungkin disebabkan oleh penyakit lain. Dapatkan rawatan selanjutnya.

Sumber: www.anispharmacy.com

Melegakan Batuk

Batuk adalah antara penyakit yang sering berlaku pada kita. Selalunya batuk akan hilang dengan sendirinya selepas lebih kurang seminggu. Bagaimanapun, oleh kerana sakit yang dideritai agak kuat, kebanyakan kita akan mencari ubat untuk melegakan batuk. Batuk juga kerap berlaku semasa kita selsema.

Sebenarnya, batuk adalah tindak balas normal yang baik untuk kita. Tindak balas ini dikenali sebagai tindak balas refleks, di mana batuk berlaku secara automatik untuk melegakan rongga pernafasan yang tersekat atau terkena bahan-bahan penganggu.

Ada dua jenis batuk yang utama :

- batuk yang berkahak
- batuk yang tidak berkahak

Kedua-dua jenis batuk ini adalah berbeza dari segi sebab berlakunya dan juga ubatnya. Oleh itu adalah penting untuk kita mengenal pasti jenis batuk yang dialami supaya ubat yang diberi memberikan kesan yang sepatutnya.

Pesakit asma (lelah) kerap mengalami batuk kerana saluran pernafasan yang menjadi sempit. Bagi pesakit asma, pengambilan ubat asma yang diberikan adalah penting untuk melegakan batuknya.

Ada juga orang yang batuk kerana pengambilan ubat tertentu seperti Zestril dan Renitec (untuk darah



tinggi). Dapatkan nasihat doktor untuk menukar dengan jenis ubat darah tinggi yang lain.

Batuk yang berkahak

Batuk yang berkahak selalunya bermula di bahagian dada. Warna kahak perlu dikenalpasti untuk mengetahui jenis batuk yang dialami.

- Kahak yang putih atau jernih menunjukkan tidak ada penyakit-penyakit lain yang membahaya.
- Kahak yang berwarna putih tetapi berbuih mungkin disebabkan oleh penyedutan asap rokok yang kronik (jangkamasa lama). Ia juga berlaku pada mereka yang menghidapi penyakit bronkitis.
- Kahak yang berwarna hijau atau coklat menunjukkan adanya jangkitan dalam paru-paru. Contoh batuk jenis ini ialah sakit bronkitis dan pneumonia (sukar bernafas, demam). Selalunya ia disebabkan oleh jangkitan kuman bakteria.
- Kahak berdarah atau berwarna gelap seperti karat menunjukkan sesuatu yang lebih serius lagi. Ia mungkin disebabkan oleh kanser, batuk kering (TB) dan sebagainya. Segera dapatkan rawatan lanjut.

Kaedah mengurangkan batuk

- Minum air suam atau panas dengan banyak. Ia membantu memecahkan dan membuang kahak.
- Ambil bahan-bahan yang menambah lendir seperti bahan tenusu, daging, gula dan makanan manis. Tepung putih dan sebagainya hendaklah dikurangkan.
- Sekiranya anda merokok, mungkin inilah masa untuk menghentikannya.
- Persekutaran yang berhabuk, berasap, toksik dan sebagainya boleh menyebabkan batuk. Oleh itu cuba jauhkan diri anda dari kawasan ini.
- Sedut stim contohnya dari air yang mendidih. Ia membantu menghilangkan hidung yang tersumbat.

Ke muka 11 ►

ISSN 1675-5626

